

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DARI PERSPEKTIF MASLAHAH

SITI SHAMSIAH BINTI MD SUPI

intan_shamsiah@ikim.gov.my

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat SYARAK
Institut Kefahaman Islam Malaysia

SITI NURIZZATI BINTI SA' AIDIN

sitinurizzatisaaidin@gmail.com

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan tindakan pencegahan oleh kerajaan Malaysia terhadap penularan wabak atau jangkitan Covid-19. Covid-19 ialah nama satu penyakit yang disingkatkan daripada Coronavirus Disease 2019, dan ia boleh berjangkit kepada orang lain. Penyakit ini berpunca daripada sejenis virus yang berada dalam kumpulan Coronavirus. Virus yang diperkatakan ini merupakan Coronavirus paling baharu yang ditemui di Negara China. Manakala angka 2019 pula merujuk pada tahun Coronavirus ini ditemui. Oleh sebab berlaku perubahan jumlah kes—sama ada turun ataupun naik--di sepanjang tempoh negara ini melaksanakan PKP, maka perintah ini dilaksanakan dengan mengikut keadaan dan keperluan masyarakat setempat yang terlibat. Perintah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ini melibatkan beberapa kategori termasuk Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD); Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Kajian ini akan melihat pada punca kuasa, peraturan atau standard operating procedure (SOP), dan kesan kepada pelanggaran perintah ini menurut undang-undang. Prinsip masalah dan maqasid al-shariah akan menjadi alat pengukur kepada perintah yang dikeluarkan, untuk merumuskan sama ada tindakan kerajaan ini bertepatan dengan prinsip-prinsip syariah ataupun sebaliknya.

Kata Kunci: Covid-19, PKP, Masalah, Kerajaan, Rakyat

1. Pengenalan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan tindakan pencegahan oleh kerajaan Malaysia terhadap penularan wabak atau jangkitan Covid-19. Covid-19 ialah nama satu penyakit yang disingkatkan daripada *Coronavirus Disease 2019*, dan ia boleh berjangkit kepada orang lain. Penyakit ini berpunca daripada sejenis virus yang berada dalam kumpulan *Coronavirus*. Virus yang diperkatakan ini merupakan *Coronavirus* paling baharu yang ditemui di Negara China (*World Health Organization* [WHO], 2020). Manakala angka 2019 pula merujuk pada tahun *Coronavirus* ini ditemui.

Coronavirus yang dimaksudkan ini boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan, dan akan menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk. Antara gejala radang paru-paru Covid-19 ialah batuk, demam dan sukar bernafas. Malangnya sehingga kini, masih belum ada rawatan yang khusus atau ubat antivirus untuk jangkitan Covid-19. Lebih malang lagi Covid-19 mempunyai potensi untuk mengakibatkan penyakit yang teruk dan boleh membawa kematian, terutamanya dalam kalangan mereka yang lanjut usia; individu yang mempunyai masalah kesihatan; atau individu

yang mempunyai sistem imun yang rendah (Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM], 14 Oktober 2020).

Seseorang yang mendapat jangkitan virus ini boleh menularkannya kepada orang lain melalui pelepasan titisan hidung atau mulut dengan cara batuk atau bersin (KKM, 14 Oktober 2020). Hal ini menunjukkan bahawa Covid-19 bukan sahaja penyakit yang berbahaya kepada orang perseorangan tetapi apabila ia boleh menjangkiti banyak orang bermakna ia mampu menjejaskan kesejahteraan sesebuah masyarakat, malahan berupaya untuk melumpuhkan sesebuah negara. Oleh yang demikian sebagai langkah pencegahan, KKM amat menyarankan agar pelitup muka dipakai ketika keluar dari kediaman untuk melakukan sebarang urusan harian, dan juga sentiasa mengekalkan jarak lebih satu meter apabila berurusan dengan orang lain.

Sebenarnya pada hujung Januari 2020, negara ini telah pun diberi amaran tentang ancaman wabak ini namun pada ketika itu pihak berkuasa negara masih belum mendapat jawapan yang jelas tentang cara wabak ini boleh berjangkit daripada seseorang kepada seorang yang lain (Zanariah Abd Mutalib, 25 Januari 2020).

2. Perintah Kawalan Pergerakan Pertama

Pada 12 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO) telah mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik selepas mengambil kira peningkatan ketara kes di negara-negara di dunia selain China. (Berita Harian Online, 12 Mac 2020). Empat hari kemudian, selepas Covid-19 diisytiharkan sebagai pandemik, iaitu pada 16 Mac 2020, kerajaan Malaysia mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula berkuat kuasa pada 18 Mac sehingga 31 Mac 2020.

PKP dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334). Terdapat beberapa perkara utama yang menjadi tumpuan kerajaan dalam menguatkuasakan PKP termasuklah larangan secara menyeluruh terhadap pergerakan dan perhimpunan yang melibatkan ramai orang. Ia melibatkan penutupan semua rumah ibadat dan premis perniagaan dengan pengecualian terhadap premis penjualan barangan keperluan harian. Manakala aktiviti keagamaan di masjid dan surau perlu ditangguhkan termasuk Solat Jumaat dan ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020.

Kerajaan juga turut menyekat semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Manakala bagi individu yang berhasrat untuk pulang ke tanah air, terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi termasuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin selama 14 hari. Selari dengan perkara ini sekatan juga dikenakan terhadap semua pelawat asing daripada memasuki negara ini.

Keputusan tegas pihak kerajaan juga melibatkan penutupan semua peringkat institusi pendidikan, iaitu dari peringkat prasekolah sehingga ke peringkat universiti termasuk institut latihan dan kemahiran. Semua premis kerajaan dan swasta juga ditutup kecuali bidang-bidang yang terlibat dengan perkhidmatan perlu (*essential service*) kepada rakyat dan negara (MKN, 17 Mac 2020).

Pada fasa PKP Tahap 1 terdapat 22 kategori perkhidmatan perlu dibenarkan untuk beroperasi tetapi kemudiannya dipendekkan kepada 10 sektor kritikal pada PKP Tahap 2 yang merangkumi air, e-dagang, keselamatan dan pertahanan, kesihatan, komunikasi, logistik, makanan, pengurusan sisa atau pembetulan, perbankan serta kewangan dan juga tenaga (MKN, 2 April 2020).

Sebagai ringkasan kronologi PKP, perintah ini dimulakan pada 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Kemudiannya dilanjutkan sehingga 14 April 2020 sebagai fasa kedua PKP atau PKP Tahap 2. Pada 10 April 2020, Perdana Menteri Malaysia mengumumkan bahawa PKP dilanjutkan untuk dua minggu lagi iaitu dari 15 April sehingga 28 April sebagai fasa ketiga PKP (Harian Metro Online, 10 April 2020). Perintah ini kemudiannya dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020 sebagai PKP Tahap 4 (Faris Danial Razi, 23 April 2020).

2.1 Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Pada ketika pihak kerajaan melaksanakan PKP pada tahap-tahap yang awal, berlaku keadaan yang memerlukan pihak kerajaan melaksanakan PKP dengan cara yang lebih ketat apabila terdapat jumlah yang besar dikesan positif Covid-19 dalam kawasan-kawasan tertentu. Pelaksanaan PKP dengan cara yang lebih ketat ini bertujuan supaya pihak KKM dapat menjalankan ujian Covid-19 dengan teliti terhadap setiap penduduk terbabit, seterusnya memberi rawatan mandatori kepada mana-mana individu yang dijangkiti Covid-19. Selain itu, tindakan ini juga adalah untuk mengekang daripada berlakunya penyebaran virus terbabit di luar kawasan tersebut bagi mengelakkan orang ramai yang berada di luar kawasan berkenaan daripada terkena wabak tersebut. Perintah ini dipanggil sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sebagaimana namanya yang ketat, pergerakan dalam kawasan PKPD tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa yang mengawal. Hal ini juga memberi maksud bahawa kerajaan tidak membenarkan pergerakan keluar oleh penduduk dari kawasan PKPD dan juga pergerakan masuk oleh orang luar ke dalam kawasan PKPD. Kawalan pergerakan ini berada di bawah tanggungjawab pihak polis dengan bantuan pihak-pihak berkuasa yang lain seperti angkatan tentera, angkatan pertahanan awam dan juga Jabatan Kesukarelawan Malaysia (RELA). Dalam keadaan ini semua aktiviti perniagaan termasuk restoran, semua pasar atau kedai runcit tidak dibenarkan kecuali PKPD yang diisytiharkan secara pentadbiran. Lanjutan daripada itu, sumber makanan dan keperluan asas akan disalurkan oleh pihak kerajaan. (MKN, 9 September 2020).

Kawasan paling awal yang terpaksa menjalani PKPD ialah dua kawasan di Simpang Renggam, Johor yang mula menjalaninya pada 27 Mac sehingga 9 April, dan kemudiannya dilanjutkan sehingga 14 April 2020 (Lukman Arif Abdul Karim & Ahmad Suhael Adnan, 9 April 2020). Sehubungan dengan perintah ini juga, sebagai langkah proaktif tujuh buah negeri iaitu Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor dan Terengganu membatalkan bazar Ramadan di negeri masing-masing sebelum kerajaan Persekutuan mengumumkan perkara yang sama (Noah Lee, 13 April 2020).

Selepas menjalani PKP hingga ke Tahap 4, yang sesetengah kawasan terpaksa menjalani PKPD, pada Tahap 5 pihak kerajaan mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pula. Mengenai PKPB, YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkannya pada 1 Mei 2020 sempena Hari Pekerja dan ia telah dijadualkan bermula pada 4 Mei sehingga

9 Jun 2020 (Berita Harian Online, 1 Mei 2020). Dalam perutusan beliau, Perdana Menteri menyatakan bahawa kerajaan telah membuat keputusan untuk membuka semula sektor-sektor ekonomi secara berhati-hati dengan menguatkuasakan SOP kesihatan yang ketat atas nasihat KKM. Selari dengan perkara tersebut, fasa PKPB masih tidak membenarkan industri dan perniagaan; aktiviti sukan; majlis sosial serta keagamaan yang melibatkan perhimpunan ramai dan juga perjalanan yang merentasi sempadan negeri (Bernama, 1 Mei 2020).

2.2 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

PKPB kemudiannya disambung dengan PKPP yang dirujuk sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sebagai tindakan susulan kerajaan terhadap penurunan bilangan kes baharu yang amat rendah pada ketika itu. PKPP dimulakan pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 dengan strategi ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Khas Menteri Mengenai Pelaksanaan PKPP yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan. Manakala di peringkat kerajaan negeri pula, strategi ini akan dilaksanakan melalui jawatankuasa yang diwujudkan oleh YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri (Prime Minister's Office of Malaysia, 7 Jun 2020). PKPP kemudiannya telah dirancang untuk dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 (Rohaniza Idris, 28 Ogos 2020).

Terdapat peraturan-peraturan di bawah PKPP yang diwartakan sebagai Warta Kerajaan Persekutuan. Menurut warta tersebut, peraturan-peraturan berkenaan hendaklah terpakai bagi kawasan tempatan jangkitan yang diisytiharkan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U. (A) 87/2020] sebagaimana yang dilanjutkan dari semasa ke semasa.

Beberapa aktiviti yang dilarang telah disenaraikan daripada dilakukan dalam fasa PKPP oleh sebab keadaan negara yang masih belum benar-benar pulih daripada wabak Covid-19 ini. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah sebarang aktiviti yang menyebabkan ramai orang hadir sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan arahan pihak berkuasa (MKN, 18 Julai 2020).

Justifikasi kepada larangan aktiviti ini telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menyatakan bahawa terdapatnya kesukaran untuk mengawal keadaan yang terdapat ramai orang ada satu-satu masa; kebarangkalian untuk terdedah kepada titisan (*droplets*); kesukaran untuk mengawal tingkah laku manusia; kebarangkalian untuk menjadi kontak rapat kerana berada dalam kawasan yang sama untuk masa yang panjang (*close continuous contact*); dan keberadaan dalam ruang rapat (*confine space*) dan tertutup dalam tempoh yang lama (MKN, 18 Julai 2020).

Pada ketika rakyat Malaysia secara keseluruhannya sedang melalui fasa PKPP sebagai fasa PKP yang paling fleksibel dan bentuknya yang lebih menghampiri kehidupan yang normal dan seperti sedia kala, terdapat juga keadaan-keadaan tertentu di kawasan-kawasan tertentu yang memerlukan penguatkuasaan yang lebih ketat berbanding PKPP, bergantung pada sejauh mana kenaikan kes Covid-19 yang positif. Contohnya PKPD secara pentadbiran dilaksanakan di Kota Setar dari 11 September sehingga 25 September 2020 berikutan peningkatan kes Covid-19 dalam Kluster Sungai dan Kluster Telaga (KKM, [sejak] 5 Mei 2020). Begitu juga PKPD di Penjara Reman dan Kuarters Penjara Pulau Pinang (MKN, 14 Oktober 2020a).

Selain PKPD yang perlu dilaksanakan semasa negara sedang melalui fasa PKPP, PKPB juga terpaksa dilaksanakan semula di kawasan-kawasan tertentu sebagaimana yang dilaksanakan di seluruh Negeri Sabah dari 13 Oktober sehingga 26 Oktober (MKN, 14 Oktober

2020b); dan juga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dari 14 Oktober sehingga 27 Oktober 2020 (MKN, 14 Oktober 2020c).

Terdapat tiga perkara utama dalam PKPB iaitu yang melibatkan aktiviti yang dibenarkan; aktiviti yang tidak dibenarkan; dan arahan tetap. Aktiviti yang dibenarkan dalam fasa PKPB merangkumi rantaian ekonomi dan industri; melaksanakan tugas-tugas rasmi kerajaan; mendapatkan rawatan kesihatan yang merangkumi urusan kecemasan dan juga urusan kematian.

Sementara aktiviti yang tidak dibenarkan dalam fasa PKPB pula antaranya ialah pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPB kecuali urusan yang dibenarkan, dan juga pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPB kecuali perkara yang mendapat kebenaran. Arahan tetap adalah merujuk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu Akta 342. Situasi ini juga tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM (MKN, 14 Oktober 2020).

2.3 Perubahan Terhadap Perintah Kawalan

Sehingga artikel ini ditulis, terdapat perubahan pengubahsuaian terhadap kandungan perintah kawalan tertentu yang kemudiannya dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Contohnya PKP 2.0 yang dilaksanakan pada enam buah negeri yang bermula pada 13 Januari 2020 sehingga 26 Januari agak berbeza jika dibandingkan dengan PKP yang mula-mula dilaksanakan. Menurut Menteri Kewangan perintah kawalan yang dilaksanakan ini telah mengambil semua pandangan dengan membenarkan lebih banyak sektor ekonomi untuk dibuka dengan SOP yang ketat.

PKP 1.0 menyebabkan ekonomi negara kehilangan pendapatan sebanyak RM2.4 bilion sehari disebabkan hanya sektor penting tertentu saja dibenarkan beroperasi. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PKP 2.0 dengan kebanyakan sektor ekonomi dibenarkan beroperasi memberi kesan ekonomi negara dengan kerugian lebih rendah iaitu sekitar RM700 juta sehari (Mohd Zaky Zainuddin, 4 Februari 2021).

2.4 Kesan Pelanggaran PKP

Sehubungan dengan perintah kawalan ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai kuasa bagi menguatkuasakan tindakan untuk mengkompaun mana-mana individu yang didapati melanggar atau ingkar arahan PKP. Kuat kuasa ini bermula pada 8 April 2020 (Nurul Hidayah Bahaudin, 8 April 2020), dengan kompaun ini dibuat mengikut Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 2020 (Seksyen 25, Akta 324).

Pengeluaran kompaun tersebut dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard atau *standard operating procedure* (SOP). Mereka yang didapati telah ingkar terhadap arahan PKP akan dibawa ke balai polis sebelum diberikan kompaun, dan bayaran perlu diselesaikan di pejabat KKM dalam tempoh dua minggu selepas tarikh kompaun tersebut dikeluarkan.

Walaupun bagaimanapun terdapat orang awam yang enggan mematuhi PKP. Hal ini dapat dilihat iaitu sehingga 14 April 2020 seramai 9,090 orang ditangkap sejak perintah itu dilaksanakan, dengan 4,036 daripadanya dikenakan kompaun. Oleh yang demikian pihak berkuasa telah mengambil keputusan lebih tegas dengan memohon perintah reman ke atas mereka yang ditahan dan menghadapkan mereka ke mahkamah. Tindakan tersebut telah dimulakan pada 15 April 2020. Jika sabit kesalahan mereka boleh dipenjarakan atau didenda, ataupun kedua-duanya (The Malaysian Insight, 14 April 2020).

Tindakan ini merujuk pada Seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun bagi kesalahan pertama atau denda, atau kedua-duanya. Manakala bagi kesalahan kedua pula boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya (Bede Hong, 17 Mac 2020).

Sehubungan dengan pelanggaran PKP ini juga bagi mana-mana individu yang merupakan pesara kerajaan, sekiranya ia disabitkan kesalahan berkaitan dengan PKP sehingga membawa hukuman penjara, walaupun hanya sehari, individu berkenaan boleh kehilangan manfaat wang pencen yang diterima. Walau bagaimanapun, seseorang pesara itu masih layak menerima wang pencen selagi mana dia cuma didakwa di mahkamah atau didenda (Sarawak Voice, 16 April 2020).

Selari dengan perkara ini juga, saranan pihak KKM supaya orang awam sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dengan memakai pelitup muka yang menutup hidung dan mulut kemudiannya telah dijadikan sebagai perkara yang diwajibkan apabila berada di tempat awam. Perintah itu mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2020 (Sinar Harian, 30 Julai 2020).

3. Tahap Kepatuhan terhadap PKP dan Persepsi Awam terhadap PKP

Secara umumnya, orang awam menyambut baik pelaksanaan PKP bahkan pada ketika negara sedang melalui PKP Tahap 2, ramai yang beranggapan PKP perlu dilanjutkan (Umavathi Ramayah, 6 April 2020). Satu pungutan suara yang melibatkan seramai 30,849 orang responden telah dibuat oleh Astro Awani. Keputusan daripada pungutan suara tersebut menunjukkan bahawa hampir 79.7% memilih agar tempoh PKP dilanjutkan, sementara bakinya berpandangan sebaliknya.

Walaupun demikian, di sebalik peratusan yang tinggi tahap kepatuhan orang awam terhadap PKP, masih terdapat individu dan pihak-pihak yang kurang senang dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan PKP. Pungutan suara yang dinyatakan sebelum ini juga membuktikan bahawa 20.3% daripada responden yang terlibat berpendirian bahawa PKP tidak seharusnya dilanjutkan. Sedangkan pada ketika itu negara ini masih bergelut dengan wabak Covid-19.

Sehubungan dengan perkara ini juga sesetengah individu atau pihak menganggap bahawa tindakan oleh pihak kerajaan ini merupakan strategi atau sesuatu yang janggal; bertentangan dengan kebebasan individu; kebebasan bergerak dan kebebasan untuk berhimpun sedangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamali sistem demokrasi sekalipun turut melaksanakan raja berperlembagaan (Yusramizza Md Isa, 22 Mac 2020).

Sebagai tambahan, apabila arahan PKP memasuki Tahap 2 dengan penguatkuasaan yang lebih ketat, ada yang menyambut tindakan tersebut dengan tanggapan yang negatif; mendakwa pelaksanaannya terlalu keras; malah ada yang menyamakannya sebagai undang-undang drakonian yang kejam (Zamri Rambli, 6 April 2020). Malah terdapat sebilangan peguam yang mempertikai penguatkuasaan PKP (Hafidzul Hilmi Mohd Noor, 15 April 2020).

Malahan terdapat individu yang amat degil dan benar-benar mencabar undang-undang yang dikuatkuasakan. Ada kalangan mereka yang sudah pun dikesan positif dengan jangkitan tetapi masih enggan untuk memakai pelitup muka walaupun telah diminta oleh petugas kesihatan yang menguruskan mereka untuk dibawa ke hospital. Tahap kedegilan mereka sehingga memaksa pihak petugas menggunakan *Isopod* dan ubat penenang untuk membawa mereka ke pusat perubatan dengan menggunakan ambulans.

Pada pihak yang mendakwa PKP bertentangan dengan prinsip kebebasan atau hak asasi yang lazimnya diamalkan oleh negara yang mengamali sistem demokrasi, Dr. Yusramizza menegaskan bahawa, sama ada Perlembagaan Persekutuan; Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948; Konvenan Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik 1966 serta Deklarasi Kaherah tentang Hak Asasi Manusia dalam Islam, kesemuanya membenarkan hak asasi disekat melalui undang-undang apabila perlu, padan serta sejajar dengan matlamat yang sah iaitu meliputi keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam, kebajikan umum, agama dan moral (Yusramizza Md Isa, 22 Mac 2020).

Bahkan tinjauan penulis juga mendapati bahawa sesetengah masyarakat Islam turut mempertikai sesetengah SOP yang melibatkan aktiviti keagamaan. Contohnya mereka mendakwa bahawa penjarakan fizikal sepanjang satu meter sesama ahli jemaah ketika bersolat secara berjemaah di masjid ataupun surau adalah tidak relevan dan bertentangan dengan kehendak Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “*Sempurnakanlah saf-safkamu.*” (Riwayat Ahmad dan Ibn Hibban). Mereka seolah-olahnya mendakwa, disebabkan SOP yang mesti diguna pakai, menyebabkan kehendak maksud Hadis tersebut tidak terlaksana.

Dalam hal ini walaupun pelaksanaan dan penguatkuasaan PKP tidak bertentangan dengan prinsip kebebasan asasi dan undang-undang yang dilaksanakan di negara ini, malah masih selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, tetapi maksud Hadis tersebut mengikat kefahaman sesetengah masyarakat Islam di negara ini, seolah-olahnya menunjukkan terdapat perkara tertentu dalam PKP yang bertentangan dengan kehendak syariat Islam.

Persoalan yang timbul di sini adalah sama ada PKP atau SOP yang terkandung dalam PKP itu bertentangan dengan prinsip syariah, ataupun tidak walaupun perintah ini tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang negara dan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, ada baiknya perbincangan PKP dilihat melalui pertimbangan prinsip-prinsip syariah, yang secara spesifiknya diukur dengan neraca konsep *masalah* oleh sebab syariah atau agama Islam itu diturunkan ke dunia demi kesejahteraan umat manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam *Surah al-Anbiyaa'* ayat 107 bermaksud, “*Dan tidaklah Kami mengutus engkau Wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat bagi seluruh manusia.*”

4. Konsep *Maslahah* dan Tujuan Syariah (*Maqasid al-Shariah*)

Membicarakan PKP yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan di negara ini dari sudut *masalah* sebenarnya amat relevan kerana titik mula perbincangan ini adalah dengan merujuk Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Islam ialah agama bagi Persekutuan. Oleh yang demikian, sebarang perkara yang tidak selari dengan agama bagi Persekutuan perlulah dianggap sebagai sesuatu yang tidak berperlembagaan dan melanggar perlembagaan itu sendiri (Zainul Rijal Abu Bakar, 3 Mei 2019).

Seterusnya perbincangan ini amat signifikan untuk memastikan bahawa PKP yang dikuatkuasakan ini merupakan keputusan pihak pemerintah dengan ia tidak melewati prinsip-prinsip syariah atau batas konsep *masalah*. Dalam hal ini *masalah* itu sekurang-kurangnya boleh difahami sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-Ghazali sebagai:

“...*masalah* adalah memelihara objektif syarak iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia. Setiap tindakan yang dapat memenuhi lima kepentingan tersebut adalah *masalah*. Manakala setiap tindakan yang menjejaskan lima kepentingan tersebut adalah *mafsadah*, dan menghilangkan *mafsadah* adalah satu *masalah* (al-Ghazali, 1997).”

Dalam petikan ini Imam al-Ghazali menyebutkan bahawa memelihara objektif syarak atau yang diistilahkan sebagai *maqasid al-shariah* merupakan suatu *masalah*. Merujuk perkara ini, *maqasid al-shariah* telah menerima beberapa definisi dan pelbagai penjelasan oleh sarjana syariah. Antaranya ialah Dr. Ahmad al-Raysuni yang memberikan maksud *maqasid al-shariah* sebagai tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh syariah untuk direalisasikan bagi kepentingan manusia (Ahmad al-Raysuni, 1999). Definisi ini menjelaskan bahawa syariat Islam sentiasa bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia dan menjaga *masalah* mereka dalam setiap peraturannya.

Menariknya dalam memberi definisi *maqasid al-shariah*, Sheikh Nur al-Din al-Khadimi bukan sahaja menyebut tentang hikmah-hikmah secara jujuk atau kebaikan-kebaikan yang menyeluruh, tetapi beliau turut menyebut bahawa ia juga terhimpun di bawah satu tujuan iaitu untuk mencapai hakikat pengabdian kepada Allah dan untuk menjaga kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat (Nur al-Din al-Khadimi, 2001).

Dari satu sudut, *maqasid al-shariah* ataupun *masalah* mempunyai tiga bentuk atau tahap, dengan yang pertama ialah *daruriyat*. *Daruriyat* ialah perkara yang menjadi keperluan manusia dan menjadi asas kepada kehidupan mereka. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia akan menuju kehancuran (al-Najjar, 2008). Kedua ialah *hajiyat* sebagai perkara yang menjadi keperluan manusia bagi menyelesaikan masalah hidup seharian. Sekiranya perkara *hajiyat* ini tiada, kehidupan manusia tidaklah teruk terjejas seperti mana tiadanya perkara *daruriyat*. Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa taraf kehidupan yang berada di tahap ini agak buruk (Jakim, 2016). Manakala yang ketiga ialah *tahsiniyat* sebagai keperluan sampingan dan pelengkap yang menjadikan kehidupan manusia lebih kemas dan selesa (al-Najjar, 2008).

Di sini, perlu juga difahami bahawa *maqasid al-shariah* bukanlah sesuatu yang dihasilkan oleh akal manusia semata-mata tetapi ia bersandarkan kefahaman yang mendalam terhadap nas-nas syarak (Siti Shamsiah Md Supi dan Muhammad Nazir Alias, 11 Oktober 2017). Selanjutnya, dalam usaha mencapai *masalah* atau *maqasid al-shariah* dalam skala yang besar iaitu melibatkan sesebuah masyarakat atau negara, sudah tentu ia memerlukan kuasa pemerintah dalam menguatkuasakan sesuatu perintah atau tindakan. Di sinilah konsep *siasah syar'iyah* mengambil peranan.

Menurut 'Abd al-Wahhab Khallaf, *siasah syar'iyah* adalah mentadbir urusan am negara Islam dengan jaminan *masalah* akan sentiasa ditegakkan serta menolak kemudaratan dengan tidak melampaui batas-batas dan prinsip-prinsip syariah, walaupun tidak sekata dengan pendapat imam-imam *mujtahidin*. Pengurusan hal-ehwal negara tersebut mengguna pakai kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan usul syariah ('Abd al-Wahhab Khallaf, 1988). Dalam hal ini, *siasah syar'iyah* juga boleh difahami sebagai suatu mekanisme pembuatan keputusan yang menggunakan kaedah ijtihad berpandukan *maqasid al-shariah*; kaedah-kaedah ijtihad; dan prinsip-prinsip utama syariat Islam yang lain (Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Zakiah Samori, 2020).

Melalui konsep *siasah syar'iyah* inilah instrumen-instrumen yang terdapat dalam syariah termasuk kaedah-kaedah fiqah digunakan bagi mencapai *masalah*. Antara kaedah fiqah yang boleh digunakan ialah *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyah manut bi al-maslahah* (tindakan atau polisi pemerintah tertakluk kepada *masalah*); *amr al-imam yarfa' al-khilaf* (keputusan pemerintah mengangkat khilaf); *al-darar yuzal* (kemudaratan hendaklah dihilangkan); *dar al-mafasid awla min jalb al-masalih* (menolak kemudaratan lebih utama daripada menarik kebaikan); *irtikab akhaff al-dararayn* (melakukan kemudaratan lebih ringan); dan *iza ta'aradhat mafsadatan ru'ya a'zahuma dhararan bi irtikab akhaffifa* (apabila

dua *mafsadah* bertembung, diutamakan *mafsadah* lebih besar dengan melakukan *mafsadah* lebih ringan) (Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Zakiah Samori, 2020).

4.1 *PKP menurut Masalah*

Dalam konteks *siasah syar'iyah*, PKP boleh dilihat sebagai hasil kaedah fiqah yang merujuk kepada *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyah manut bi al-maslahah* (tindakan pemerintah tertakluk kepada *maslahah*), yang diguna pakai oleh kerajaan Malaysia. Tindakan ini boleh dianggap selari dengan keputusan Khalifah Sayidina Umar bin al-Khattab ketika mendepani wabak taun yang sedang melanda negeri Sham (Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Zakiah Samori, 2020).

Keputusan khalifah ini dilihat selaras dengan pengertian Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dengan maksud, "*Larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa.*" Ia memberi maksud supaya manusia itu perlu menyelamatkan dirinya daripada sebarang ancaman penyakit. Dapat dilihat di sini bahawa Khalifah Sayidina Umar telah menggunakan kuasanya sebagai ketua pemerintah dengan mengeluarkan perintah kepada semua pengikutnya untuk pulang semula ke Madinah demi melindungi nyawa masing-masing. Keadaan ini menunjukkan bahawa keputusan pemerintah dibuat demi mencapai *maqasid al-shariah* dalam konteks pemeliharaan nyawa. Perkara ini juga selari dengan maksud firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 195 yang bermaksud, "*Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan.*"

Oleh yang demikian, rakyat wajib mematuhi arahan pihak pemerintah melalui pihak-pihak berkuasa sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam *Surah an-Nisaa'*, ayat 59 yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu.*"

Dalam membicarakan perkara ini menurut Syeikh al-Maraghi, *ulil amri* atau pemerintah mempunyai kuasa terhadap kepentingan atau kebajikan yang tidak terdapat nas. Maka dalam konteks ini adalah wajib untuk mentaati mereka (al-Maraghi, 2001). Hakikatnya mentaati pemerintah dalam hal yang melindungi masyarakat dan negara daripada sebarang mudarat adalah sebahagian daripada ketaatan terhadap Allah SWT sendiri dan ada justifikasinya di akhirat nanti.

Selanjutnya, kita boleh sama-sama melihat bahawa pelaksanaan PKP Tahap 1 sehingga Tahap 4 adalah lebih ketat berbanding PKPB. Manakala penguatkuasaan PKPB pula lebih ketat berbanding PKPP. Sehubungan dengan perkara ini pelaksanaan PKPP adalah yang paling banyak kelonggarannya; lebih hampir kepada cara hidup yang normal; dan seperti sedia kala. Pada tahap ini juga sekatan sudah tidak ada kecuali untuk ke luar negeri. Perkara yang perlu dikekalkan oleh semua individu adalah mengenakan pelitup muka; menjaga penjarakan fizikal dan sentiasa mengamalkan kebersihan sebagaimana yang sentiasa disarankan oleh Ketua Pengarah KKM. Sementara PKPD pula merupakan arahan yang paling ketat dalam kalangan perintah kawalan yang ada.

Perkara yang dapat dilihat di sini ialah, satu-satu penentuan PKP yang diputuskan oleh pihak kerajaan adalah dengan melihat sejauh mana kritikal kes positif Covid-19 di sesebuah kawasan. Apabila pihak kerajaan meletakkan empat kategori zon bagi mengklasifikasikan kawasan Covid-19 yang didasarkan kepada jumlah kes di sesebuah kawasan, ini juga membawa maksud tentang tahap kebarangkalian atau potensi jangkitan kepada penduduk yang tinggal di kawasan terbabit. Penentuan ini sudah tentu tidak dibuat secara sesuka hati tetapi merupakan formula yang dirumuskan sebagai hasil kepakaran tertentu.

Tindakan pihak pemerintah ini sebenarnya telah mengguna pakai kaedah-kaedah fiqah tertentu yang terkandung dalam konsep *masalah* sesuai dengan tahap tertentu wabak Covid-19 dalam sesebuah kawasan. Setiap tahap dan bentuk PKP secara asasnya adalah untuk melindungi semua orang daripada terdedah dengan jangkitan. Keadaan ini adalah selari dengan kaedah *sadd al-zara'i* iaitu mencegah (menghalang) keburukan atau kemudaratan (Abdul Karim Zaydan, 2009). Manakala individu yang telah terkena jangkitan dan menerima rawatan mandatori secara khusus dan eksklusif bertepatan dengan kaedah *al-darar yuzal* (kemudaratan hendaklah dihilangkan).

Tahap-tahap tertentu PKP ini juga sebenarnya mempunyai hubungan dengan klasifikasi *masalah* atau *maqasid* yang telah dibincangkan sebelum ini. PKP Tahap 1 sehingga PKP Tahap 4 adalah pada tahap *daruriyat*. Semua aktiviti dihentikan kecuali yang sangat-sangat penting sebab pada ketika ini keutamaan pemerintah adalah melindungi nyawa rakyat dan penduduk negara ini. Di sinilah letaknya kehendak maksud *maqasid al-shariah* yang dijelaskan oleh para ulama termasuk Imam al-Ghazali. Tidak dinafikan bahawa manusia memerlukan keperluan lain tetapi pada ketika ini nyawa manusia di negara ini benar-benar terancam disebabkan *Coronavirus* yang terbaharu ini masih belum benar-benar difahami oleh pakar-pakar di negara ini bahkan di seluruh dunia.

Kemudian, apabila pemerintah melihat kes aktif Covid-19 telah menjadi lebih terkawal, maka tahap PKP dilonggarkan sedikit kepada PKPB. Pada tahap PKPB inilah pihak kerajaan melihat terdapatnya ruang agar ekonomi negara dijana kembali selepas beberapa tempoh ia bergerak terlalu perlahan sehingga mengakibatkan kerugian besar. Sehingga 1 Mei 2020, dalam tempoh enam minggu sahaja PKP dilaksanakan, dianggarkan bahawa negara kita telah mengalami kerugian sebanyak RM63 bilion (Hayati Ibrahim, 1 Mei 2020), dan tindakan tersebut semata-mata demi menjaga *masalah* yang paling utama iaitu nyawa penduduk.

Prinsip atau keputusan kerajaan ini amat selari dengan kaedah fiqah yang sebelum ini telah disebut sebagai *iza ta'aradhat mafsadatan ru'ya a'zahuma dhararan bi irtikab akhaffifa* (apabila dua *mafsadah* bertembung, diutamakan *mafsadah* lebih besar dengan melakukan *mafsadah* lebih ringan). Dalam hal ini kerugian negara sebanyak puluhan billion ringgit itu adalah *mafsadah*, manakala mendapat penyakit yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa juga merupakan *mafsadah*, malah ia *mafsadah* yang lebih besar. Oleh yang demikian apabila kedua-dua *mafsadah* ini bertembung dalam masa yang sama, maka sudah pastilah kita perlu bersetuju dengan keputusan pihak kerajaan yang lebih cenderung untuk melindungi rakyat daripada ditimpa penyakit yang boleh mengancam nyawa.

Begitulah juga apabila kerajaan mempunyai keyakinan untuk mengubah PKPB kepada PKPP supaya negara dapat dimakmurkan kembali dengan cara yang lebih aktif walaupun masih dalam keadaan yang berhati-hati. Pada pandangan penulis, meminda PKP kepada PKPB dan PKPP adalah suatu penambahbaikan dari tahap *daruriyat* ke peringkat *hajiyat* apabila potensi mudarat yang lebih besar dapat dikawal. Keputusan kerajaan ini masih selari dengan konsep *masalah*.

Demikian juga apabila sesebuah kawasan perlu melaksanakan PKPB semula. Apatah lagi sekiranya satu-satu penempatan itu terpaksa menguatkuasakan PKPD. Keadaan ini tentunya diakibatkan oleh kenaikan semula kes Covid-19 positif dalam kawasan terbabit. Apabila situasi ini berlaku, perkara yang berbentuk *daruriyat* itu perlu ditunaikan dan disempurnakan terlebih dahulu. Sementara kembalinya satu-satu kawasan dari PKPP kepada PKPB ataupun PKPD adalah selari dengan kaedah fiqah yang berbunyi *dar al-mafasid awla min jalb al-masalih* yang bermaksud, “menolak kemudaratan lebih utama daripada menarik

kebaikan”. Dari satu sudut ia juga selari dengan kaedah fiqah yang bermaksud, “apabila dua *mafsadah* bertembung, diutamakan *mafsadah* lebih besar dengan melakukan *mafsadah* lebih ringan.” Ia juga sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-Ghazali bahawa menghilangkan *mafsadah* itu adalah *masalah*.

Dalam keadaan PKPD terpaksa untuk dikuatkuasakan di sesebuah kawasan, ia seolah-olahnya telah menafikan kebebasan atau hak asasi manusia untuk bergerak bebas, sebagaimana yang didakwa oleh segelintir golongan manusia sebelum ini. Walaupun demikian, jika penduduk terbabit dibenarkan untuk bebas keluar masuk dari kawasan mereka ke kawasan yang lain, sebenarnya keadaan ini akan membesarkan lagi kebarangkalian kepada risiko jangkitan yang kemudiannya boleh tular secara berleluasa. Tindakan pemerintah bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku adalah sejajar dengan pengertian sebuah Hadis Rasulullah SAW riwayat al-Bukhari yang bermaksud, “*Jika kamu mendengar penyakit taun melanda di satu-satu kawasan, janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan jika kamu berada di kawasan tersebut, janganlah kamu keluar dari situ.*”

Dalam isu berkaitan susunan saf ketika solat berjemaah mengikut SOP penjarakan fizikal yang sering menjadi bahan ketidakpuasan hati sebahagian masyarakat Islam, sebenarnya setiap keputusan yang dibuat, sama ada melibatkan pergerakan atau aktiviti manusia, ia tidak dibuat secara sesuka hati atau sewenang-wenangnya. Tidak juga dibuat secara terpisah oleh agensi-agensi kerajaan tertentu. Kesemuanya dibuat secara kolektif dan *musyawarah*. Mereka yang terlibat juga bukanlah calang-calang orang tetapi dalam kalangan profesional dan berkepakaran dari setiap bidang yang mempunyai kaitan dengan keselamatan negara.

Dalam hal ini, walaupun SOP yang dibina akan diguna pakai di dalam rumah-rumah ibadah, proses penyediaannya memerlukan pandangan yang bersifat pakar daripada agensi-agensi seperti bomba, PDRM dan KKM. Orang awam mungkin hanya melihat dari satu aspek, tetapi golongan pakar dapat melihat satu-satu keadaan yang melibatkan kepentingan awam lebih jauh dari itu (Siti Razmah Idris, 16 Oktober 2020). Hal ini bertepatan dengan dengan maksud firman Allah SWT dalam *Surah an-Nahl* ayat 43 yang bermaksud, “*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan, jika kamu tidak mengetahui.*”

Begitu juga mengenai justifikasi kepada larangan aktiviti yang telah dikeluarkan oleh KKM dengan menyatakan beberapa faktor dan kebarangkalian tertentu termasuklah kesukaran untuk mengawal tingkah laku manusia. Justifikasi yang dirumuskan ini merupakan hasil daripada pandangan pakar yang mempunyai kualiti-kualiti tertentu. Larangan yang dikeluarkan ini berada dalam lingkungan konsep *sadd al-zarai'* yang fungsinya menghalang daripada berlakunya kemudaratan kepada mana-mana manusia sama ada secara individu atau secara berkelompok.

4.2 Hukuman Pelanggaran PKP dari sudut Masalah

Apabila kita dapat merumuskan bahawa PKP yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan ini tidak melanggar prinsip-prinsip syariah, maka hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang, juga tidak bercanggah dengan konsep *masalah* sebagaimana yang dibincangkan.

Dalam perbincangan undang-undang jenayah Islam, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah mempunyai tujuan atau objektif yang amat jelas. Antaranya adalah bagi mentaati perintah Allah SWT. Ia juga adalah bagi memelihara *maqasid al-shariah*; mencegah daripada

berlakunya kesalahan yang sama oleh orang lain; menjadi hukuman dan pembalasan di peringkat duniawi dan ukhrawi; mendidik masyarakat dengan mengambil pengajaran daripada hukuman berkenaan; dan melaksanakan balasan yang setimpal (Majlis Agama Islam Selangor, 2015).

5. Media sebagai Wadah Meningkatkan Kefahaman Awam

Peranan komunikasi amat penting untuk menyampaikan maklumat dan juga mesej. Pada hari ini media massa dan media sosial dilihat sebagai medium yang amat berkesan dalam menyampaikan sebarang maklumat. Sebelum media sosial menjadi pilihan utama penduduk negara ini sebagai medium untuk perkongsian apa juga bentuk perkara, media massa telah pun menjadi penyebar dan saluran maklumat yang utama di negara ini (Suhana Abdul Hamid, Oktober 2016). Oleh yang demikian, kedua-dua medium ini boleh dimanfaatkan dalam menyampaikan kefahaman kepada masyarakat awam mengenai apa sahaja mesej penting.

Sehubungan dengan perbincangan ini, kedua-dua media massa dan media sosial boleh digunakan sebagai saluran untuk menyampaikan dan mempertingkatkan kefahaman orang ramai tentang kedudukan PKP dari sudut syariah, atau secara khususnya dalam konteks *masalah*. Dalam ceramah dan kuliah agama yang mengguna pakai kemudahan ini, isu PKP boleh dijadikan sebagai tajuk perbincangan, yang akan merumuskan ia adalah sebahagian daripada tuntutan agama dalam keadaan kita masih berperang dengan pandemik Covid-19. Selain daripada penyampaian secara tradisi, mesej juga sudah tentu boleh disampaikan dengan cara yang sangat kreatif dan berseni seperti drama pendek, infografik, kempen, klip video, lagu, poster, sketsa dan TikTok.

6. Kesimpulan

Jangkitan *Coronavirus* atau singkatannya Covid-19 adalah wabak yang amat berbahaya. Wabak yang sudah di peringkat pandemik ini bukan sahaja merupakan penyakit yang berbahaya di peringkat individu, bahkan apabila menjangkiti banyak orang ia boleh menggugat ketenteraman sesebuah masyarakat, malahan berupaya untuk melumpuhkan sesebuah negara. Bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19, kerajaan melaksanakan PKP secara bertahap-tahap, dan mengubah suai perintah ini mengikut keadaan sesebuah kawasan terbabit.

Persoalan timbul tentang PKP yang dikuatkuasakan oleh kerajaan atau pihak pemerintah sama ada ia bertepatan dengan konsep *masalah* ataupun sebaliknya. Ternyata perbincangan ini merumuskan bahawa PKP merupakan usaha dan tindakan terbaik oleh pihak kerajaan bagi mengawal penularan jangkitan. Dalam keadaan negara Malaysia belum pernah mempunyai pengalaman menghadapi pandemik sedahsyat ini. Walaupun terdapat reaksi-reaksi yang kurang disenangi oleh sebahagian masyarakat dan kerugian dari sudut material, tetapi secara keseluruhannya ia selaras dengan kehendak *maqasid al-shariah* yang fungsinya untuk memelihara kepentingan nyawa, akal, agama, maruah dan harta manusia menurut susunan keutamaan fiqah.

Media massa dan media sosial dilihat boleh memainkan peranan yang cekap dan berkesan dalam menyampaikan mesej sementelah kedua-duanya dipilih sebagai medium utama penyampaian di negara ini. Sudah tentu kefahaman dan kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat awam dari sudut keagamaan amat boleh membantu negara dalam usaha membebaskan negara dari belenggu wabak ini, dan seterusnya mengembalikan semula kesejahteraan hidup penduduk negara dari semua aspek kehidupan.

7. Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- (12 Mac 2020), WHO isytihar wabak COVID-19 pandemik. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik> (diakses pada 18 September 2020)
- (17 Mac 2020), Kronologi Covid-19 di Malaysia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia> (diakses pada 14 Oktober 2020)
- (10 April 2020), Kronologi PKP setakat 10 April. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564864/kronologi-pkp-setakat-10-april> (diakses pada 16 Oktober 2020)
- (16 April 2020), Ini risiko jika anda langgar PKP dan dikenakan hukuman. *Sarawak Voice*. <https://sarawakvoice.com/2020/04/16/ini-risiko-jika-anda-langgar-pkp-dan-dikenakan-hukuman/> (diakses pada 21 Oktober 2020)
- (1 Mei 2020), Intipati Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684116/intipati-perintah-kawalan-pergerakan-bersyarat> (diakses pada 15 Oktober 2020)
- (1 Mei 2020), Perintah Kawalan Pergerakan bersyarat akan dilaksana – Muhyiddin. *Bernamea*. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1837419 (diakses pada 16 Oktober 2020)
- (30 Julai 2020), Tiada kompromi jika ingkar pakai pelitup muka mulai 1 Ogos. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/94739/KHAS/Koronavirus/Tiada-kompromi-jika-ingkar-pakai-pelitup-muka-mulai-1-Ogos> (diakses pada 16 Oktober 2020)
- Abd Rahman Kamarudin, (18 Mei 2020), PKP: KPNDHEP puas hati tahap kepatuhan orang ramai, peniaga di premis perniagaan. *The Nusantara Daily*. <https://thenusantaradaily.com/pkp-kpndhep-puas-hati-tahap-kepatuhan-orang-ramai-peniaga-di-premis-perniagaan/> (diakses pada 17 Oktober 2020)
- Ahmad Mustafa al-Maraghi. (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Muhammad Thalib (trans.). Jil. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, p. 1242.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334).
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1997). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Dalam Muhammad Sulayman al-Ashqar (ed.). Beirut: al-Resalah Publishing House, p. 174.
- Al-Raysuni, Ahmad. (1999). *Al-Fikr al-Maqsid wa Qawa'iduh wa Fawa'iduh*. Ribat: Jaridah al-Zaman, p. 13.
- Al-Raysuni, Ahmad. (1992). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi*. (Edisi Ke-2). The International Institute of Islamic Thought, pp. 19-20.
- Al-Najjar, 'Abd al-Majid. (2008). *Maqasid al-Shari'ah ni Ab'ad Jadidah*. (Edisi Ke-2). Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, p. 47.
- Bede Hong, (17 Mac 2020), Malaysia lapor 2 korban Covid-19. *The Malaysian Insight*. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/229376> (diakses pada 21 Oktober 2020)

- Faris Danial Razi, (23 April 2020), Covid-19: PKP diteruskan hingga 12 Mei. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pkp-diteruskan-hingga-12-mei-239847> (diakses pada 16 Oktober 2020)
- Firdaus Azil, (16 Mac 2020), Covid-19: 125 kes positif baharu dikesan, 95 berkait kluster tabligh – Dr Adham. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-125-kes-positif-baharu-dikesan-95-berkait-kluster-tabligh-dr-adham-233874> (diakses pada 14 Oktober 2020)
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor, (15 April 2020), Polis selar peguam pertikai penguatkuasaan PKP (MetroTV). *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566858/polis-selar-peguam-pertikai-penguatkuasaan-pkp-metrotv> (diakses pada 17 Oktober 2020)
- Hayati Ibrahim, (1 Mei 2020), PKP: Negara dianggarkan rugi RM63 bilion. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/573360/pkp-negara-dianggarkan-rugi-rm63-bilion> (diakses pada 20 Oktober 2020)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). (2016). *Monograf: Indeks Syariah Malaysia (Siri I)*. Putrajaya: Jakim, 9.
- Khallaf, ‘Abd al-Wahhab. (1988). *Al-Siyasah al-Shar’iyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, (Sejak 5 Mei 2020), Perkembangan Saringan di Kawasan PKPD (Pentadbiran) di Kedah. <http://covid-19.moh.gov.my/sorotan/092020/perkembangan-saringan-di-kawasan-pkpd-pentadbiran-di-kedah> (diakses pada 15 Oktober 2020)
- _____, (14 Oktober 2020), Soalan Lazim – Penyakit Novel *Coronavirus* (Covid-19). https://www.infosihat.gov.my/images/media_sihat/lain_lain/pdf/SOALAN%20LAZIM%20COVID-19.pdf (diakses pada 15 Oktober 2020)
- Lukman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan, (9 April 2020), Covid-19: PKPD Simpang Renggam sambung hingga 14 April. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674967/covid-19-pkpd-simpang-renggam-sambung-hingga-14-april> (diakses pada 14 Oktober 2020)
- Luqman Ariff Abdul Karim dan Noor Atiqah Sulaiman, (11 Mei 2020), PKPB: Tahap kepatuhan rakyat capai 95%. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687611/pkpb-tahap-kepatuhan-rakyat-capai-95-peratus> (diakses pada 16 Oktober 2020)
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Hj Ismail. (2004). Pengantar Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd., p. 179.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Hudud Satu Penjelasan*. Shah Alam: MAIS. <http://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/HUDUD-SATU-PENJELASAN.pdf>, pp. 5-15 (diakses pada 16 Oktober 2020)
- Majlis Keselamatan Negara, (17 Mac 2020), Soalan Lazim (FAQ’s) – Bil. 1 (Dikemaskini): Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order) 18 – 31 Mac 2020. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/03/FAQBil1730.pdf> (diakses pada 17 September 2020)

- _____, (2 April 2020), Soalan Lazim (FAQ) Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/04/2-April-2020-FAQ-MKN-PKP-Tahap-2.pdf.pdf> (diakses pada 17 September 2020)
- _____, (18 Julai 2020), SOP PKP PEMULIHAN, Senarai Aktiviti Yang Dilarang. [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/08/Senarai -Aktiviti-yang-Dilarang_-18-Julai-2020.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/08/Senarai-Aktiviti-yang-Dilarang_-18-Julai-2020.pdf) (diakses pada 17 September 2020)
- _____, (9 September 2020), SOP PKP PEMULIHAN, SOP Perintah Kawalan Diperketatkan. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/09/SOP-PERINTAH-KAWALAN-PERGERAKAN-DIPERKETATKAN-PKPD.pdf> (diakses pada 17 September 2020)
- _____, 14 Oktober 2020a, SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PENJARA REMAN DAN KUARTERS PENJARA, PULAU PINANG. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/10/SOP-PKPD-Penjara-Reman-dan-Kuarters-Penjara-Pulau-Pinang-14-Okt-2020.pdf> (diakses pada 14 Oktober 2020)
- _____, (14 Oktober 2020b), SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI SELURUH NEGERI Sabah. [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/10/SOP-PKPB-Seluruh -Sabah-13-26-Okt-2020.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/10/SOP-PKPB-Seluruh-Sabah-13-26-Okt-2020.pdf) (diakses pada 14 Oktober 2020)
- _____, (14 Oktober 2020c), SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) – W.P. Kuala Lumpur, W.P. PUTRAJAYA DAN Selangor. <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/10/SOP-PKPB-KLPUTRAJAYA-DAN-SELANGOR-14-OKT-2020.pdf> (diakses pada 14 Oktober 2020)
- _____, (26 Februari 2021, dikemas kini), SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP). https://asset.mkn.gov.my/web/wpcontent/uploads/sites/3/2021/02/SOP-PKP-Am-KL-SELANGOR-JOHORPPINANG_kemaskini-26-Februari-2021.pdf (diakses pada 13 Mac 2021)
- Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Zakiah Samori. (2020). Kawalan penularan wabak berbahaya menurut perspektif siasah syar'iyah. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 22 no. 1, October Issue, 26-48.
- Mohd Zaky Zainuddin, (4 Februari 2021), Pelaksanaan PKP 2.0 bukan perkara mudah. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/783072/pelaksanaan-pkp-20-bukan-perkara-mudah> (diakses pada 13 Mac 2021)
- Muhammad Azzam, Abdul Aziz Muhammad Azzam. (2005). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Noah Lee, (13 April 2020), Malaysia Batal Bazar Ramadan, Tarik Balik Kebenaran Operasi Perniagaan Tiga Sektor. *Berita Benar*. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-bazarRamadan-200413-04132020153630.html> (diakses pada 15 Oktober 2020)
- Nur al-Din al-Khadimi. (2001). *Ilm al-Maqasid al-Shariah*. Riyadh: Obekan Publishers & Booksellers, p. 17.

- Nurul Hidayah Bahaudin, (8 April 2020), Ingkar PKP kompaun RM1,000 [METROTV]. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/564059/ingkar-pkp-kompaun-rm1000-metrotv> (diakses pada 18 September 2020)
- Prime's Menteri Office of Malaysia (Official Website), (29 Mac 2020), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 21-24 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perintah-kawalan-pergerakan-diperketatkan-pkpd-di-batu-21-24-sungai-lui-hulu-langat-selangor/> (diakses pada 14 Oktober 2020)
- _____, (7 Jun 2020), Teks Ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin Perdana Menteri Malaysia Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-pemulihan-pkpp/> (diakses pada 15 Oktober 2020)
- Rohaniza Idris, (28 Ogos 2020), PKPP disambung hingga 31 Disember. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/725656/pkpp-disambung-hingga-31-disember> (diakses pada 15 Oktober 2020)
- Siti Shamsiah Md Supi dan Muhammad Nazir Alias. (11 Oktober 2017). "Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Demi Maqasid al-Shariah" dalam *Muzakarah Pakar Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid al-Shariah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Sohana Abdul Hamid. (Oktober 2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue 1 (October 2016), 214-226.
- Temu ramah bersama Siti Razmah binti Idris, Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), pada 16 Oktober 2020.
- Umavathi Ramayah, (6 April 2020), Pungutan suara: Ramai berpendapat tempoh PKP wajar dilanjutkan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pungutan-suara-ramai-berpendapat-tempoh-pkp-wajar-dilanjutkan-237052> (diakses pada 15 Oktober 2020)
- World Health Organization, (2020), Coronavirus. https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1 (diakses pada 8 September 2020)
- Yusramizza Md Isa, (22 Mac 2020), Covid-19: Pendekatan kerajaan tidak cangguh hak asasi individu. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/667990/covid-19-pendekatan-kerajaan-tidak-cangguh-hak-asasi-individu> (diakses pada 18 September 2020)
- Zainul Rijal Abu Bakar, (3 Mei 2019), Islam sebagai agama Persekutuan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/26354/KOLUMNIS/Islam-sebagai-agama-Persekutuan> (diakses pada 19 Oktober 2020)
- Zamri Rambli, (6 April 2020), Kejamkah undang-undang PKP? *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/77512/ANALISIS-SEMASA/Kejamkah-undang-undang-PKP> (diakses pada 16 Oktober 2020)
- Zanariah Abd Mutalib, (25 Januari 2020), Waspada ancaman wabak 2019-nCoV. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/sihat/2020/01/649820/waspada-ancaman-wabak-2019-ncov> (diakses pada 18 September 2020)

Zaydan, Abdul Karim. (2009). *Al-Wajiz fi Usul Fiqh*. Al-Muassasah Risalah, 195.